

# KRISIS REMAJA DAN MEDIA MASSA DI MALAYSIA : SUATU TINJAUAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

Oleh  
Dr. Rahimin Affandi Abd. Rahim\*

## Abstract

*This article emphasizes the question on Malaysian teenagers moral which divided into two section, i.e (i) the influence of westernization on the Malay society before and after independence (ii) current deterioration of moral values due to the involvement of mass media. Finally, this article also mentions the participation of various goverment agency and NGO's to overcome the above moral deterioration.*

Tulisan ini memberikan penekanan kepada persoalan remaja di Malaysia yang dirangka khusus di dalam beberapa bahagian:-

- (i) Proses pembaratan masyarakat Melayu zaman sebelum dan selepas merdeka.
- (ii) Realiti semasa tentang keruntuhan moral remaja dan kaitannya dengan media massa.

Peranan yang dimainkan oleh golongan pemuda secara kolektif atau melalui organisasi dalam mencetuskan atau membawa perubahan di dalam masyarakat adalah suatu hakikat sejarah yang tidak dapat dinafikan. Sesiapa yang mengikuti sejarah perkembangan Islam di Tanah Melayu akan mendapatkan, di antara lainnya, kesedaran dan kejayaan awal gerakan Islah Islam di Tanah Melayu adalah hasil kesungguhan dan pengorbanan golongan muda.<sup>1</sup>

Begitu juga halnya dengan gerakan kebangkitan semula Islam yang berlaku pada tahun-tahun 1970an dan 1980an. Sarjana-sarjana yang mengkaji gerakan dakwah ini telah mendapati bagaimana gerakan ini telah dipelopori sepenuhnya oleh golongan pemuda-pemudi Melayu, khususnya golongan yang mendapat pendidikan bukan

\*Pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>1</sup> Lihat Prof. Madya Dr. Adnan Nawang, "Pemikiran Awal Za'ba Untuk Perubahan Keadaan Masyarakat Melayu", dalam *Warisan Dunia Melayu: Teras Peradaban Malaysia*, Kuala Lumpur, 1985, hlm 190-207.

agama dari dalam dan luar negeri.<sup>2</sup> Walaupun begitu, perlu diingatkan bahawa pencetus awal untuk gerakan ini telah dimulakan oleh pemuda Melayu yang mendapat pendidikan agama.<sup>3</sup>

Seterusnya apabila golongan pemuda ini menceburi dunia pekerjaan di dalam jentera pentadbiran kerajaan, sedikit sebanyak dengan nasihat tokoh-tokoh akademik-reformis, mereka telah mendesak dan mempengaruhi pucuk pimpinan serta pembuat dasar di dalam jentera kerajaan. Hal ini telah dijelaskan oleh Mohd. Affandi Hassan yang mengatakan bahawa dalam dekad-dekad selepas merdeka, terdapat empat kelompok utama yang mewakili orientasi kepimpinan dalam pentadbiran awam di Malaysia; golongan sekular kolonial-pragmatik, birokratik-nasionalis, tradisionalis-moralis dan intelektual-islamik. Golongan keempat ini kemudiannya telah berjaya mengatasi dan menguasai tiga golongan yang awal dari segi kuasa dan pengaruh di dalam kepimpinan negara.<sup>4</sup>

### PROSES PEMBARATAN MASYARAKAT MELAYU-ISLAM

Tanpa menafikan unsur-unsur positif yang terhasil daripada proses pemodenan ke atas masyarakat Melayu di Tanah Melayu,<sup>5</sup> kita juga tidak dapat menafikan bahawa proses pemodenan dan pembaratan yang diperkenalkan oleh kuasa Barat di pandang dari sudut budaya tempatan dan agama Islam memang mempunyai unsur-unsur negatif, khususnya kepada masyarakat yang dijajah. Hal ini dapat dilihat dari beberapa aspek:-

*Pertama*, paksaan penjajah supaya cara hidup dan kebudayaan mereka diterima oleh penduduk peribumi tanah jajahan mereka. Kuasa penjajah Barat telah merancang dan berusaha untuk menghancurkan peradaban dan kebudayaan lain dan memaksakan dominasi kebudayaan milik mereka di seluruh jajahan empayar mereka, merangkumi kawasan Asia dan Afrika.<sup>6</sup>

Dalam konteks Tanah Melayu, kebencanaan yang terhasil dari pengamalan unsur-unsur budaya dan sistem kolonial dapat diberikan beberapa contoh tertentu seperti:-

<sup>2</sup> Muhammad Abu Bakar, "Generasi Muda dan Kehidupan Beragama", dalam *Penghayatan Sebuah Ideal*, Kuala Lumpur, 1985, hlm 110-122.

<sup>3</sup> Muhammad Abu Bakar, "Kesedaran Islam dan Komitment Politik", dalam *Penghayatan Sebuah Ideal*, him 143.

<sup>4</sup> Mohd. Affandi Hassan, "Pendekatan Tauhid Dalam Pengurusan Awam: Konsep, Prinsip dan Model Alternatif", dalam *Kecemerlangan Pentadbiran: Dasar dan Amalan Dalam Islam*, INTAN, Kuala Lumpur, 1990, hlm 29-31.

<sup>5</sup> Sebagai contohnya, perkembangan awal gerakan Islah di Tanah Melayu telah bermula dengan adanya teknologi percetakan yang diperkenalkan oleh kuasa penjajah British. Lihat Safie Ibrahim, "Islamic Religious Thought in Malaya 1930-1940", Tesis Ph.D untuk Columbia University, USA, 1987, hlm 6-9.

<sup>6</sup> Khurshid Ahmad, *Fanaticism, Intolerance and Islam*, London, 1968, hlm 21.

- (i) Penyebaran budaya kolonial tajaan pihak British yang berpusat di bandar besar telah menyebabkan warisan budaya tradisi Melayu yang penuh dengan nilai-nilai ketimuran yang berpusat di kawasan pendalaman telah mula pupus dan dianggap sebagai rendah, kekampungan dan *out of date* berbanding dengan budaya kolonial yang kononnya bersifat maju dan moden.<sup>7</sup>
- (ii) Pengenalan sistem pendidikan British di Tanah Melayu secara langsung telah menyebabkan sistem pengajian Pondok merosot.<sup>8</sup> Ini kerana kebanyakan ibubapa Melayu telah bertindak menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris dan bukannya ke sekolah Pondok, dengan harapan agar anak-anak mereka akan diterima masuk ke dalam jentera perkhidmatan British (*Malay Administrative Service*). Lagipun, kelulusan dan surat akuan lepasan pondok tidak diterima oleh pihak British untuk melayakkan mereka menceburি perkhidmatan ini.<sup>9</sup> Oleh sebab itu, perkembangan ini menyebabkan kalau dulunya masyarakat Melayu sekurang-kurangnya berpeluang mempelajari Islam, tetapi dengan dasar British ini menyebabkan mereka lebih menumpukan perhatian kepada pendidikan British yang kononnya lebih mempunyai *commercial value*.
- (iii) Penerapan fahaman sekularisme di dalam sistem pentadbiran undang-undang Islam. Walaupun di dalam perjanjian dengan Raja-Raja Melayu pihak British menetapkan bahawa soal agama dan adat resam diserahkan kepada kuasa raja-raja Melayu, tetapi perkembangan yang berlaku adalah sebaliknya. Ini kerana mereka bukan setakat telah menyempitkan ruang lingkup undang-undang Islam dengan undang-undang Barat yang mengantikannya,<sup>10</sup> bahkan turut menetapkan bagaimana soal pentadbiran hal ehwal agama Islam harus dijalankan.<sup>11</sup>

Apa yang lebih penting lagi, dengan dasar dan pemahaman sekular, pihak British telah memberikan gambaran bahawa undang-undang Islam adalah sebagai undang-undang agama yang harus dikhususkan kepada hal-hal agama sahaja, kerana ianya tidak dapat melayani keperluan semasa. Sebaliknya segala keperluan semasa yang merangkumi soal undang-undang negara dan cara pentadbirannya harus mengikut stail dan cara British.<sup>12</sup>

<sup>7</sup> Prof. Dr Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, "Pembinaan Budaya Popular: Krisis Identiti Budaya Melayu", dalam *Fenomena 2*, siri penerbitan Jabatan Pengajian Melayu, Kuala Lumpur, 1993, hlm 279-283.

<sup>8</sup> Wan Yahya Wan Ahmad, "The Early Development of Islamic Education in Kelantan", dalam *ISLAMIKA*, v. 3, Kuala Lumpur, 1985, hlm 222.

<sup>9</sup> *Ibid.*

<sup>10</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid, "Mahkamah Syariah di Malaysia: Pentadbiran dan Fungsinya", dalam *Seminar Pentadbiran Mahkamah Syariah*, pada 24hb. Oktober 1992, Universiti Malaya, hlm 12-16.

<sup>11</sup> Moshe Yegar, *Islam and Islamic Institutions in British Malaya*, Jerusalem, 1979, hlm 187-234.

Keduanya, kebudayaan Barat yang dibawa masuk adalah secara langsung terpengaruh dengan fahaman sekularisme yang mementingkan aspek-aspek materialistik semata-mata.<sup>13</sup>

Tamadun Barat pada dasarnya adalah tamadun yang mendakyahkan bahawa manusia boleh mencapai kemajuan di dalam kehidupan melalui penggunaan akal fikiran manusia semata-mata tanpa dicampuri oleh kuasa ketuhanan.<sup>14</sup> Hal ini dijelaskan oleh Arnold Toynbee dengan katanya:

‘Peradaban sekular Barat sesudah masih (post-Cristian) dapat dipandang sebagai ulangan yang paling baik daripada peradaban Yunani-Rumawi sebelum masih, tetapi juga merupakan kemunduran kerohanian yang paling jelek’<sup>15</sup>

Begitu juga asas utama kepada tamadun kemajuan Barat iaitu sains dan teknologi telah berlangsung dalam keadaan penentangan dan penolakan terhadap agama dan tuhan.<sup>16</sup>

Jadi, di atas landasan hidup yang bersifat materialistik ini masyarakat Barat dalam zaman modennya telah beraktiviti sehingga melahirkan berbagai kemajuan kebendaan yang amat mengagumkan<sup>17</sup> yang sekaligus membawa berbagai kebencanaan kemanusiaan yang amat besar.<sup>18</sup> Seterusnya, golongan dari tamadun jenis inilah yang telah melancarkan gerakan penjajahan ke kawasan lain yang termasuk di dalamnya Tanah Melayu.

Kuasa penjajah Barat bukan setakat merasakan bahawa tamadun mereka lebih baik dan maju, bahkan turut menganggap Islam sebagai suatu kuasa yang bakal melakukan konfrontasi terhadap tamadun Barat dan mengugat survival kekuasaan mereka di tanah jajahan.<sup>19</sup> Dari sudut ini kita dapat bahawa kuasa Barat memandang Islam sebagai musuh tradisi yang harus diperangi bukan setakat di zaman perang Salib bahkan berpanjangan hingga ke zaman moden ini.<sup>20</sup>

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> Sidi Gazalba, *Modenisasi Dalam Persoalan: Bagaimana Sikap Islam*, Jakarta, 1973, hlm 22.

<sup>14</sup> Maryam Jameelah, “Cara Mana Teknologi Moden Menghancurkan Hidup Manusia”, terj. Abd. Majid Khatib, dalam *Utusan Qiblat*, 60 (Julai 1975).

<sup>15</sup> Khurshid Ahmad, *op.cit.*, hlm. 14

<sup>16</sup> Muhammad Qutb, *Salah Faham Terhadap Islam*, terj. Yusoff Zaki Yacob, Kota Bharu, 1975, hlm 8.

<sup>17</sup> Sidi Gazalba, *op.cit.*, hlm 23.

<sup>18</sup> Maryam Jameelah, *op.cit.*

<sup>19</sup> Abu Hasan Ali al-Nadawi, *Pertarungan Antara Alam Fikiran Islam Dengan Alam Fikiran Barat*, terj. Mahjuddin Sjat, Bandung, 1965, hlm 10.

<sup>20</sup> Ahmad Shalaby, *Masyarakat Islam*, terj. Prof Mukhtar Yahya, Singapura, 1966, hlm 349.

Budaya kolonial ini kemudiannya telah diwarisi oleh penduduk Tanah Melayu walaupun selepas diberikan status kemerdekaan. Apa yang memburukkan lagi keadaan adalah di dalam era ini, gerakan pembaratan terus berjalan lancar apabila barisan kepimpinan negara yang kebanyakannya terkenal sebagai anak didik penjajah<sup>21</sup> telah menjalankan dasar yang berkiblatkan negara bekas penjajah dengan menggunakan segala kemudahan negara, termasuk media massa.<sup>22</sup>

Dengan kedatangan dekad ini yang menandakan bermulanya era globalisasi informasi yang telah menyingkatkan segala jarak dan menyempitkan segala ruang. Akibatnya dunia yang luas ini terasa terlalu dekat dan sempit dalam jangkauan waktu.<sup>23</sup> Sebarang maklumat dari negara Barat dalam masa yang singkat sahaja akan dapat diterima dan diketahui oleh masyarakat di timur, dan begitu juga sebaliknya.<sup>24</sup> Oleh sebab itu, segala maklumat dari negara Barat yang rata-ratanya memang menganggap Islam sebagai musuh tradisi<sup>25</sup> mereka yang kebetulannya pula bertentangan dengan nilai-nilai Islam dan adat ketimuran, dan tidak ditapis sepenuhnya oleh pihak kerajaan telah diterima dengan mudah oleh masyarakat Malaysia, khususnya golongan remaja.

## REALITI SEMASA TENTANG KERUNTUHAN MORAL REMAJA DAN KAITANNYA DENGAN MEDIA MASSA

Kalau pada dalam era 1970an dan 1980an, suasana negara diwarnai dengan krisis moral yang membabitkan jenayah perdagangan dan pecah amanah di kalangan pekerja kolar biru,<sup>26</sup> maka pada dalam era 1990an ini pula kita dikejutkan dengan krisis keruntuhan moral yang begitu meruncing di kalangan remaja. Rasional keburukan krisis moral yang melibatkan kedua golongan ini dapat dilihat dari segi keduanya adalah merupakan tonggak utama yang bakal menggerakkan jentera pembangunan negara.

Mengikut analisa terkini berdasarkan perkembangan terbaru yang dilaporkan di dalam media massa, ternyata keadaan remaja pada tahun 1990an ini berbanding

<sup>21</sup> Lord Cromer, *Modern Egypt*, London, 1908, v. 11, hlm 565.

<sup>22</sup> Prof. Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, *op.cit.*, hlm 249-255.

<sup>23</sup> Dr. Zulkiple Abd. Ghani, "Teknologi Maklumat: Hubungannya Dengan Perkembangan Hukum Islam Semasa," dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, ed. Dr. Abdul Karim Ali dan Raihanah Hj. Azahari, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999, hlm 145-152.

<sup>24</sup> Lihat "Teknologi: Penyebab Maksiat Membudaya Dalam Masyarakat", dalam majalah *Suara Persatuan 'Ulama Malaysia*, v. 5, bil. 3, 1993, hlm 12-14.

<sup>25</sup> Ridwan Abdullah Wu, "Islam - A Misunderstood Religion, Muslims - A Misunderstood Community", dalam *Jurnal IKIM*, v. 2, no. 1, Januari 1994, hlm 46-66.

<sup>26</sup> Mohd. Affandi Hassan, "Pendekatan Tauhid dalam pengurusan", hlm 28-29.

dengan tahun-tahun 1970an dan 1980an adalah amat mendukacitakan sekali. Ringkasnya gerakan kebangkitan semula Islam yang tercetus pada tahun-tahun tersebut kurang berjaya di dalam usaha melahirkan golongan remaja yang bersifat dinamik dan boleh dibanggakan, walaupun idea kebangkitan Islam terus dipanjangkan dan diperjuangkan oleh semua pihak, termasuk pihak kerajaan sendiri.

Apa yang jelas, walaupun era kebangkitan Islam telah memasuki tahun penghujung 1990an, tetapi kesannya yang cukup efektif masih diragui. Ini kerana pada masa yang sama proses penyerapan fahaman sekularisme bentuk baru ke dalam masyarakat Malaysia terus berjalan lancar seiring dengan perkembangan infranstruktur Islam yang berhasil dari zaman kebangkitan Islam dahulu.<sup>27</sup> Secara terang gerakan Islam telah separuh gagal menyaingi bahang gerakan sekular bentuk baru ini yang menggunakan saluran media massa dan internet.

Antara fakta-fakta krisis moral yang dihidapi golongan remaja Malaysia adalah :-

(1) **Masalah seks bebas yang diamalkan oleh golongan Bohsia dan Bohjan<sup>28</sup>**  
Istilah Bohsia yang berasal dari bahasa Hokkien adalah membawa maksud literalnya sebagai gadis yang suka berada di dalam kegelapan. Istilah yang penuh dengan nisbah keburukan ini kemudiannya telah digunakan antara lainnya bagi;

Gadis remaja bawah umur yang bersikap liar.

Gadis remaja yang terlibat di dalam amalan seks bebas.

Berbanding dengan pelacur yang melibatkan diri di dalam kancan pelacuran kerana desakan kewangan, golongan bohsia ini melakukan seks bebas bukan untuk mendapatkan wang tetapi sebagai salah satu cara untuk mendapatkan keseronokan semata-mata. Mereka lebih suka mengamalkan prinsip “one night stand” dengan setiap pasangan rambang mereka dan tidak mahu diikat dengan sebarang ikatan serta komitmen cinta.

Bagi setiap ahli baru yang ingin menganggotai sesuatu kumpulan bohsia ini, mereka dimestikan supaya mengikut jejak langkah ahli yang lebih senior dari segi percakapan yang lucu, menghisap rokok, meminum minuman keras dan telah hilang dara. Bahkan, mereka beranggapan bahawa mana-mana gadis yang telah hilang dara itu sebagai suatu status yang tinggi di dalam kehidupan moden sekarang.

Hasil usaha penguatkuasaan yang dibuat oleh pihak JAWI dengan bantuan pihak lain, mendapat dua jenis gadis bohsia yang menimbulkan masalah, iaitu;

- i. Gadis bawah umur yang lari dari rumah dan menumpukan masa sepenuhnya dengan amalan seks bebas.

<sup>27</sup> Maklumat lanjut berkenaan sekularisme bentuk baru ini boleh di dapat dari Zakaria Stapa, “Ancaman Pasca Moden dan Faham Pasca Modernisme Terhadap Akidah dan Akhlak Umat Islam Masa Kini”, dalam *Jurnal al-Maw’izah*, V. 7, Jun 1999, hlm 1-11.

<sup>28</sup> Lihat Rahimin Affandi Abdul Rahim, “Bohsia: Fenomena Biasa Masyarakat Maju”, dalam majalah *Dakwah*, bil. 210, November 1994, hlm 11-13.

- ii. Gadis bawah umur yang masih tinggal dengan keluarga dan hanya akan keluar berpoya-poya pada hujung minggu di beberapa tempat tertentu di sekitar ibukota seperti Pasar Budaya, belakang bangunan Mahkamah Tinggi, Dataran Merdeka dan sebagainya.

Daripada soal siasat yang dibuat terhadap gadis bohsia ini didapati titik awal mereka berpegang dengan cara hidup ala-sekular ini adalah kerana pengaruh video luah dan filem-filem Barat yang begitu meluas penyebarannya di dalam masyarakat. Di dalam filem-filem ini, penonton disogokkan dengan begitu berkesan bahawa amalan seks bebas adalah suatu perbuatan yang lumrah untuk manusia dan patut diamalkan demi mendapat status manusia moden.

## (2) Kegilaan yang keterlaluán terhadap industri muzik moden seperti rock, raggae dan rap<sup>29</sup>

Industri muzik Barat khususnya muzik rock bukannya merupakan suatu ruang yang kecil dari cabang muzik Barat, tetapi sebaliknya ianya telah mewujudkan suatu kelompok masyarakatnya yang tersendiri yang lengkap dengan budaya dan gaya apresiasi yang khusus. Pada umumnya, corak budaya yang dihayati oleh kelompok ini dilambangkan oleh ciri-ciri pakaian yang tidak terurus, kotor, tidak senonoh, luah dan sebagainya.<sup>30</sup> Sikap dan kelakuan kelompok ini agak kasar dan agresif yang melambangkan terjemahan kepada persempahan muzik dan personaliti rock itu sendiri.

Fenomena kegilaan remaja Malaysia terhadap gaya hidup yang spirit utamanya bersumberkan muzik rock ini dapat dikesan dengan meluas. Menyedari hakikat inilah yang mendorong pihak kerajaan telah mengharamkan konsert rock secara terbuka, yang kemudiannya telah mendapat tentangan hebat dari semua pendokong dan peminat muzik ini. Apa yang menghairankan adalah dalam keghairahan sebegini masih ada media elektronik milik kerajaan yang memberi ruang iklan yang lumayan kepada muzik jenis ini.<sup>31</sup>

Apa yang membimbangkan lagi adalah muzik import ini adalah dipenuhi dengan unsur-unsur pemujaan syaitan, mengalakkkan pengambilan dadah, melakukan seks rambang dengan sesiapa sahaja dan banyak lagi perkara yang tidak sesuai dengan pegangan agama Islam.<sup>32</sup>

Contohnya, dalam suatu konsert rock yang dianjurkan oleh akhbar Malay Mail untuk tabung kebajikan pada 30hb. Jun 1991, petang hari Ahad, di Damansara Kuala

<sup>29</sup> "Pesta Rock Kota Raya Sempena Hari Wilayah" dalam *Berita Harian*, 1 Februari 1989.

<sup>30</sup> Margaret Scott, *Far Eastern Economic Review*, 13 April 1989.

<sup>31</sup> Zakaria Stapa, "Beberapa Aspek Gaya Hidup Negatif Belia Remaja Malaysia Masa Kini", dalam *Masyarakat Malaysia dan Isu Semasa*, YADIM, Kuala Lumpur, 1994, hlm 80-81.

<sup>32</sup> Hal ini ada diterangkan dengan terperinci oleh Ismail Hashim, "Hiburan Candu Masyarakat", dalam majalah *Dakwah*, bil. 215, April 1995 dan bil. 216, Mei 1995.

Lumpur, satu kumpulan rock tempatan telah menyanyikan lagu Led Zeppelin bertajuk “*Stairway to heaven*” dari album Led Zeppelin IV. Lagu yang dikeluarkan pada tahun tujuh puluhan ini adalah suatu lagu *occult* (pemujaan syaitan) yang menggunakan teknik *backward masking* iaitu suatu teknik yang meletakkan lagu itu boleh didengar jika pita itu dimainkan ke belakang. Pada kulit album yang asli ada gambar seorang tua memegang lampu sebagai hermit iaitu seorang pertapa yang terlibat di dalam majlis pemujaan syaitan.<sup>33</sup>

### (3) Kurang minat membaca bahan bacaan yang bersifat ilmiah dan lebih menumpukan kepada bahan-bahan yang berbentuk hiburan

Daripada kajian yang dibuat oleh Prof. Madya Md. Nor Othman,<sup>34</sup> didapati bahawa berbanding dengan remaja bukan Melayu, remaja Melayu mempunyai tabiat media yang paling negatif. Rata-ratanya remaja Melayu lebih suka majalah berbentuk murahan dan hiburan seperti URTV, Variapop, Gila-Gila, Gelihati, Ujang dan sebaginya; berbanding dengan majalah yang berbentuk ilmiah seperti Dewan Siswa, Dewan Masyarakat, Dewan Budaya, Mastika dan lainnya.

Begitu juga dengan program-program TV yang ditonton, didapati bagaimana remaja Melayu lebih meminati program yang berbentuk hiburan seperti rancangan Melodi, Pop Kuiz; melebihi program yang berbentuk keagamaan dan maklumat semasa.

### (4) Masalah lepak dan krisis kenyakinan diri

Isu lepak ini mulai hangat diperkatakan pada awal tahun 1994, yang mendorong Kementerian Belia dan Sukan menaja penyelidikan dalam soal ini yang dijalankan oleh beberapa orang tokoh akademik universiti tempatan terhadap masalah ini.<sup>35</sup>

Hasil kajian yang diperolehi ternyata dapat membuktikan bahawa Malaysia telah mengalami krisis sosial yang begitu meruncing sekali, yang tergambar dari sikap tidak menghargai masa, sukaan hiburan yang keterlaluan, kurangnya minat berfikir secara lebih serius dan banyak lagi.

Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa semua masalah ini bertitiktolak dari pengaruh media massa yang dalam banyak hal lebih mengutamakan aspek komersial semata-mata tanpa pertimbangan tanggungjawab sosial, dengan menggunakan sasaran pasaran remaja yang bakal malariskan hasil keluaran mereka. Pada masa yang sama juga, faktor kelemahan sifat seorang remaja yang inginkan hiburan, kebebasan mutlak,

<sup>33</sup> Dr Wan Azam Wan Mohd Amin, “*Punca Ajaran Sesat: Akibat Kekosongan Jiwa*”, dalam majalah *Dakwah*, bil. 214, Mac 1995, hlm 29-30.

<sup>34</sup> Md. Nor Othman, “*Tabiat Media Generasi Muda Melayu Bandar: Suatu Kajian Perbandingan Dengan Bukan Melayu*”, dalam *Jurnal Alam Melayu*, v. 2, April 1994, hlm 58-82.

<sup>35</sup> Abdullah Fahmi, “*Lepak di Kalangan Remaja: Punca dan Penyelesaian*”, dalam majalah *Haluan*, bil. 4, Ogos/September 1994, hlm 6-11.

sikap suka memberontak, meniru dan sensitif terhadap keadaan persekitaran<sup>36</sup> telah memburukkan lagi keadaan ini.

Dalam proses membangunkan Malaysia bagi mencapai Wawasan 2020, pihak kerajaan dengan kerjasama pihak lain telah mempunyai kesedaran bahawa di samping membangunkan aspek-aspek fizikal semata-mata, nilai-nilai spiritual yang jitu berdasarkan pegangan agama telah turut sama dibangunkan, khususnya kepada golongan remaja yang bakal mewarisi teraju kepimpinan negara.

Dalam soal ini, dibandingkan dengan negara Islam lain, kita patut berbangga dengan gerakan pembangunan ummah ini. Antara usaha-usaha yang dimaksudkan ini yang dikhususkan untuk remaja adalah seperti<sup>37</sup>:-

- i) Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, di bawah Unit Kursus dan Latihan INDAH telah mengadakan program khusus untuk remaja di sekolah dan universiti tempatan. Antara program ini adalah berbentuk kursus kepimpinan dan motivasi Islam yang dilakukan dalam bentuk ceramah biasa, bengkel latihan dan permainan.
- ii) Kementerian Belia dan Sukan, melalui Unit Hal Ehwal Agama telah mengatur program dakwah untuk belia. Ianya seperti seminar kefahaman Islam, seminar dakwah dan kepimpinan Islam, seminar kepimpinan belia Islam dan muzakarah dakwah kepimpinan belia kebangsaan.
- iii) YADIM telah mengatur beberapa program khusus untuk belia seperti bengkel cuti sekolah, kursus kepimpinan pelajar dan dakwah belia negara.
- iv) Masjid Negara telah mengadakan program kelas pendidikan Islam kanak-kanak, kursus kesedaran Ramadan, bengkel fardu Ain remaja Islam, strategi lulus peperiksaan cemerlang, kelas bimbingan peperiksaan SRP dan SPM, program pembentukan generasi Islam cemerlang dan kursus kepimpinan dan pembelajaran yang berkesan.
- iv) ABIM mengatur program khusus untuk remaja melalui projek pembangunan belia iaitu untuk belia secara umum dan program Embun Hidayat, untuk belia yang bermasalah. Antara program Embun Hidayat yang di atur adalah rekreatif, berkelah dan bersukan di samping ceramah-ceramah agama.

<sup>36</sup> Maklumat lanjut tentang ciri-ciri seseorang remaja boleh didapati dari Noraini Ahmad, “Memahami Psikologi Remaja”, dalam *Seminar Dakwah Peringkat Kebangsaan*, pada 16hb. Julai 1994, AIUM, hlm 1-7.

<sup>37</sup> Prof. Madya Dr. Ab. Aziz Mohd. Zin, “Aktiviti-aktiviti Dakwah Untuk Menarik Golongan Remaja”, dalam *Seminar Dakwah Peringkat Kebangsaan*, hlm 2-4.

Masalahnya sekarang adalah walaupun kegiatan dakwah untuk golongan remaja begitu giat dijalankan, ditambah pula dengan pengenalan sistem pendidikan bersepada<sup>38</sup> yang jauh lebih baik dari sistem pendidikan sebelumnya, tetapi ternyata semua ini masih belum cukup dan gagal. Hal ini dapat dikesan berpunca dari beberapa sebab, seperti;

Pertamanya, usaha dakwah ini kurang mendapat sokongan padu dari semua pihak di dalam masyarakat, termasuk ibubapa sendiri. Tambahan pula kebanyakan ibubapa sendiri telah dilanda krisis buta dan jahil agama. Fenomena kejahilan terhadap agama ini menyebabkan segelintir ibubapa telah hilang pertunjuk, meskipun mereka terpelajar dan berjawatan tinggi, lalu tidak hairan atas alasan “*sporting*” ada sesetengah ibubapa sanggup membiarkan krisis moral ini terus berlaku di kalangan anak mereka.

Keduanya, faktor persekitaran yang dialami oleh remaja yang begitu mencabar dan penuh dengan kefasikan, lebih-lebih lagi yang membabitkan media massa dan industri hiburan popular. Justeru itu dapat dilihat wujudnya dualisme dari segi nilai-nilai hidup di dalam masyarakat Malaysia iaitu pertentangan di antara nilai-nilai baik yang diajar di sekolah dengan nilai-nilai sekular dan budaya hawa nafsu (*sensate culture*)<sup>39</sup> yang berkembang pesat di dalam masyarakat melalui media massa. Akibatnya golongan remaja yang belum mempunyai kematangan berfikir akan bertindak untuk menerima pakai segala nilai-nilai sekular ini kerana ianya ternyata lebih sesuai dengan hawa nafsu manusia.

Cara yang terbaik untuk menangani masalah ini adalah pihak kerajaan patut memberikan penekanan yang cukup hebat kepada semua jenis media massa agar selain dari mementingkan nilai-nilai komersial, soal-soal menanamkan nilai-nilai murni berteraskan fahaman keagamaan di dalam masyarakat patut turut sama ditekankan.

Kesimpulannya, masalah krisis remaja yang melanda masyarakat Malaysia pada masa sekarang dapat dianggap sebagai fenomena biasa bagi sesebuah masyarakat yang berada di dalam proses mencapai tahap industrialisasi seperti mana halnya yang berlaku di Eropah dengan Revolusi Industri suatu masa dahulu. Sekiranya kita tidak mengambil langkah mengesan, mencadangkan dan menguatkuasakan langkah-langkah pencegahan dari sekarang, lama kelamaan kita juga akan mengalami nasib yang sama seperti masyarakat Barat.

---

<sup>38</sup> Maklumat lanjut boleh didapati dari Zawawi Haji Ahmad, “*Nilai-nilai Akhlak Dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (3M)*”, dalam *Islam dan Pembangunan Negara*, disunting oleh Mahayuddin Haji Yahya, Bangi, 1986, hlm 91-105.

<sup>39</sup> Mohd. Affandi Hassan, “*Pengurusan, Pentadbiran dan Kepimpinan Dalam Pembinaan tamadun Manusia*”, dalam *ISLAMIKA*, v. 3, Kuala Lumpur, 1985, hlm 251-255.